PANDUAN UMUM PENGGUNAAN MODUL

PENDIDIKAN ISLAM SPM

Modul ini mengamdungi 2 bahagian iaitu kertas 1 dan kertas 2.

Setiap bahagian mengandungi tajuk-tajuk tundingan bagi tahun 2018.

Setiap tajuk mengandungi 2 bentuk soalan iaitu soalan untuk pelajar cemerlang dan halus.

Pelajar cemerlang dikehendaki menjawab modul cemerlang, manakala pelajar yang halus diberi soalan halus.

Cadangan penggunaan modul adalah seperti berikut :

| **MODUL CEMERLANG** | **MODUL HALUS** |
| --- | --- |
| 1. Guru hendaklah mencetak soalan untuk diberikan kepada setiap pelajar. | |
| 2. Pelajar perlu menjawab soalan tanpa melihat skema jawapan. | 2. Guru perlu membimbing pelajar dengan menggunakan kata kunci. |
| 3. Skema digunakan apabila pelajar/guru membuat semakan jawapan.Ia sebagai panduan sahaja .Jawapan lain yang sesuai dan munasabah boleh diterima. | |

SELAMAT BERUSAHA
MENUJU JAYA

**TAJUK MODUL**

| SET | BAHAGIAN | TING. | TAJUK |
| --- | --- | --- | --- |
| 4 | AL-QURAN | 5 | HIDAYAH ALLAH |
| | ADAB | 4 | ADAB ZIKRULLAH |
| | AQIDAH | 5 | SYIAH |
| | IBADAH | 5 | LIAN |

**HIDAYAH ALLAH**

| 1 | (a) | Firman Allah SWT. |
|---|---|---|
| | | ۞ ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشْكَوٰةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ ٱلْمِصْبَاحُ فِى<br>زُجَاجَةٍ ۖ ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّىٌّ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٍ مُّبَٰرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا<br>غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِىٓءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ۚ نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ ۗ يَهْدِى ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن<br>يَشَآءُ ۚ وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَٰلَ لِلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾<br><br>(Surah an-Nur: 35) |
| | Ayat di atas menerangkan tentang nur yang diberi oleh Allah SWT kepada orang mukmin untuk menerangi hati mereka. | |
| | Berdasarkan ayat di atas, | |

| BIL | SOALAN | M |
|---|---|---|
| | | |
| 1 | Senaraikan **dua** golongan orang yang tidak mendapat hidayah. | 2 |
| | | |
| 2 | Jelaskan usaha anda untuk mendapat hidayah. | 2 |
| | | |
| | "Hidayah merupakan anugerah Allah SWT yang sangat bernilai kepada seseorang hambaNya" | |
| 3 | Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. | 4 |
| | | |

**AYAT HAFAZAN TINGKATAN 5 : SURAH AL - TAUBAH AYAT 128 - 129**

**SUSUN AYAT**

9.Susun semula potongan ayat di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran.
Anda dikehendaki menulis nombor sahaja.

| | |
|---|---|
| 1 | مَا عَنِتُّمۡ حَرِيصٌ عَلَيۡكُم |
| 2 | لَقَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولٞ |
| 3 | مِّنۡ أَنفُسِكُمۡ عَزِيزٌ عَلَيۡهِ |
| 4 | بِٱلۡمُؤۡمِنِينَ رَءُوفٞ رَّحِيمٞ |

( **128:** سوره التوبة**)** [ 4*markah* ]

Isi Tempat Kosong (Lengkapkan Ayat)

| A | B | C | D |
|---|---|---|---|
| تَوَلَّوۡاْ | عَلَيۡهِ | ٱللَّهُ | ٱلۡعَرۡشِ |

10.Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan iaitu **A**,**B**,**C** dan **D** yang betul daripada jadual di atas.

Anda hanya perlu menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.

فَإِن ..(i).. فَقُلۡ حَسۡبِيَ ..(ii).. لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ ..(iii).. تَوَكَّلۡتُۖ وَهُوَ رَبُّ ..(iv).. ٱلۡعَظِيمِ ١٢٩

(التوبة : 129 )

[ 4*markah* ]

## ZIKRULLAH PENGUBAT HATI

1. Apakah maksud berzikir? [2 markah]

2. Jelaskan **dua** sebab perlunya beradab ketika berzikir. [4 markah]

3. Huraikan **dua** akibat sekiranya individu malas berzikir kepada Allah. [4 markah]

4. [4 markah]

| |
|---|
| Setiap kali selesai solat Zuhur berjemaah, Syawal dan Ramadhan sering bercakap-cakap sedangkan zikir dan doa sedang dibacakan. |

Berpandukan situasi di atas, apakah implikasi sekiranya perkara tersebut berleluasa ke dalam lingkungan**masyarakat** di negara kita? Bincangkan.

## SYIAH

1. Nyatakan maksud Syiah. [2 markah]

2. Jelaskan **dua** pegangan Syiah Imamiyah yang utama [4 markah]

3. Terangkan **dua** prinsip Syiah Imamiah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah. [4 markah]

4. **“Amalan menggunakan bantuan Jin boleh membatalkan iman, namun masih terdapat umat Islam yang menlakukan perbuatan ini pada muatakhir ini”** [4 markah]

   Pada pandangan anda, mengapakah perbuatan ini masih berlaku.

**LIAN**

| BIL | SOALAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 1. | Apakah apakah maksud lian ? | [2 Markah] |
| 2. | Berapakahbilangansumpahlian yang harusdilafazkanolehsuami? | [1 Markah] |
| 3. | Nyatakanhukumanterhadapisteri yang tidakmelakukansumpahlian. | [1 Markah] |
| 4. | Jelaskan**dua**kesanlianterhadappasangansuamiisteri. | [4 Markah] |
| 5. | Berikan**dua**rukunlian. | [2 Markah] |
| 6. | Isteridapatmenjagamaruahnyadaripadatercemardenganmelakukansumpahlian di hadapan orang ramai.<br><br>Huraikanhujahandauntukmenyokongpernyataan di atas. | [4 Markah] |

**SKEMA**

**HIDAYAH ALLAH**

| BIL | JAWAPAN | M |
|---|---|---|
| | | |
| 1 | Dua golongan orang yang tidak mendapat hidayah: | 2 |
| | -Musyrik | |
| | -Munafik | |
| | -Murtad | |
| | -‘Asi | |
| | -Kafir | |
| | | |
| 2 | Dua usaha untuk mendapat hidayah: | 4 |
| | -Mengamal dengan ilmu | |
| | -Berzikir kepada Allah | |
| | -Makan makanan yang halal | |
| | -Menuntut ilmu | |
| | -Berdoa kepada Allah | |
| | -Menggunakan akal untuk mengkaji dan meneroka alam | |
| | -Mematuhi segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya | |
| | - Berakhlak mulia dalam pergaulan /merendah diri | |
| | -Melazimi ibadah sunat | |
| | | |
| 3 | Cadangan isi: Fokus kepada | 4 |
| | -sifat golongan yang mendapat hidayah Allah | |
| | - kesan golongan yang mendapat/ tidak mendapat hidayah Allah | |
| | -Cara mendapat hidayah | |

**AYAT HAFAZAN**

| **Bil** | **Jawapan** |
|---|---|
| **1** | **2,3,1,4** |
| **2** | **A,C,B,D** |

**ZIKRULLAH PENGUBAT HATI**

<table>
<tr><td>1.</td><td>Maksud berzikir:<br>Mengingati Allah dengan hati, lisan dan perbuatan.</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Dua sebab berzikir:<br>– Supaya tidak mengganggu ketenteraman orang lain.<br>– Untuk mencapai kesempurnaan dalam ibadat.<br>– Selaras dengan sunnah rasulullah.</td><td>4M</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Dua akibat individu malas berzikir:<br>– Terdedah dengan perkara yang dimurkai oleh Allah (isi) kerana dia mudah dikuasai syaitan (huraian).<br>– Lupa kepada tanggungjawab terhadap agama (isi) seperti meninggalkan solat (huraian).<br>– Berada dalam keadaan gelisah (isi) yang akan menyukarkan kegiatan seharian seseorang individu (huraian).</td><td>4M</td></tr>
<tr><td>4.</td><td><table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang ringkas</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas dan ada kesimpulan atau rumusan</td><td>4M</td></tr>
</table>
*JAWAPAN MESTI MEMBERI PENEKANAN KEPADA <u>MASYARAKAT</u></td><td>4M</td></tr>
</table>

**SYIAH**

<table>
<tr><td>1.</td><td>Maksud Syiah<br><br>Golongan yang mendokong cita-cita untuk menjadikan Saidina Ali sebagai khalifah Rasulullah.</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Dua pegangan Syiah Imamiyah yang utama:<br>- Menolak semua hadis bukan diriwayatkan oleh ahli bait<br>- Beriktikad Imam ke dua belas mereka Muhammad Al Mahdi Al Qaim Bilhujjah akan muncul sebagai Imam Mahdi.<br>- Beramal dengan takiah iaitu menyembunyikan iktiqad sebenar mereka apabila berhadapan dengan orang yang tidak sealiran dengan mereka.<br>- Mengharuskan perkahwinan mutaah iaitu nikah sementara waktu atau nikah kontrak.</td><td>4M</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Dua prinsip Syiah Zaidiyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah.<br>- Beriktikad kedudukan pelaku dosa besar berada diantara keimanan dan kekufuran.<br>- Beriktikad bahawa perbuatan manusia adalah dilakukan oleh manusia bukan Allah.</td><td>4M</td></tr>
<tr><td>4.</td><td><table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang ringkas</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas dan ada kesimpulan atau rumusan</td><td>4M</td></tr>
</table></td><td>4M</td></tr>
</table>

**LIAN**

<table>
<tr><td>1.</td><td>Maksud lian ialah :<ul><li>Sumpah suami yang disertakan laknat Allah swt (1m ) / untuk menolak hukuman qazaf disebabkan tuduhan zina terhadap isteri atau menafikan nasab. (1m) ATAU</li><li>Sumpah isteri yang disertakan dengan kemurkaan Allah /untuk menolak tuduhan zina suaminya.</li></ul></td><td>2M</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Bilangan sumpah lian yang harus dilafazkan oleh suami :<ul><li>5 kali sumpah</li></ul></td><td>1M</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Hukuman terhadap isteri yang tidak melakukan sumpah lian :<ul><li>Rejam dengan batu sampai mati</li></ul></td><td>1M</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Dua kesan lian terhadap suami isteri<ul><li>Suami terpisah dengan isteri selepas sumpah lian.</li><li>Suami tidak lagi boleh berkahwin emula dengan bekas isterinya itu selama-lamanya.</li><li>Suami yang membuat tuduhan, dilepaskan daripada hukuman qazaf.</li><li>Isteri dikenakan had zina, jika tidak menolak tuduhan suami dengan sumpah lian.</li><li>Isteri masih berhak menuntut nafkah anak jika suami tidak menafikan nasabnya.</li></ul></td><td>4M</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Dua rukun lian :<ul><li>Suami</li><li>Isteri</li><li>Lafaz lian</li><li>Sebab lian</li></ul></td><td>2M</td></tr>
<tr><td>6.</td><td><table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang ringkas</td><td>2M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah</td><td>3M</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas dan ada kesimpulan atau rumusan</td><td>4M</td></tr>
</table>
Contoh jawapan<br>
- Isteri yang melakukan sumpah lian dapat menolak tuduahan zina oleh suaminya.( isi)<br>
- Ini secara langsung dapat membebaskannya daripada hukuman rejam (huraian)<br>
- Kesannya, perbuatan tersebut akan mempertahankan maruah isteri daripada dicemari oleh tuduhan suaminya jika dia benar – benar tidak bersalah. (huraian lanjut)<br>
- Oleh itu kita hendaklah meyakini bahawa peruntukan lian dalam Islam mempunyai hikmah yang tertentu kepada pasangan yang bermasalah.( kesimpulan)</td><td>4M</td></tr>
</table>